

## **Terma dan Syarat**

1. Kempen “**PrestoPay Credit Financing**” (selepas ini dirujuk sebagai “**Kempen**”) ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat seperti yang berikut.
2. Kempen ini dianjurkan bersama oleh Yayasan Ihsan Rakyat (No Pendaftaran.: 201201017719 (1003231-A)), selepas ini dirujuk sebagai “**YIR**” dan Presto Pay Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai EPP Solution Sdn Bhd) (No Pendaftaran.: 200701037789 (795818-U)), selepas ini dirujuk sebagai “**PPSB**”.
3. **Kelayakan**
  - 3.1 Kempen ini dibuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada YIR yang memenuhi semua kriteria seperti yang berikut (“**Pelanggan Yang Layak**”):-
    - a. pengguna Akaun Presto berdaftar yang sah di Malaysia;
    - b. telah melengkapkan prosedur “Electronic Know Your Client” (“**e-KYC**”) di aplikasi Presto; dan
    - c. permohonan kemudahan pembiayaan untuk Kempen ini, Produk PrestoPay (selepas ini dirujuk sebagai “**Kemudahan Pembiayaan**”) telah dilulus, diterima dan dana Kemudahan Pembiayaan telah dikreditkan oleh YIR dalam satu permohonan semasa Tempoh Kempen, (secara kolektifnya, “**Kriteria Kelayakan**”).
  - 3.2 Pelanggan yang berikut adalah dikecualikan daripada skop Pelanggan Yang Layak dan tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
    - a. pelanggan yang membatalkan Kemudahan Pembiayaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dana Kemudahan Pembiayaan dikreditkan;
    - b. pelanggan yang gagal untuk mendaftar sebagai pengguna Akaun Presto yang sah dan melengkapkan prosedur e-KYC dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dana Kemudahan Pembiayaan dikreditkan;
    - c. pelanggan yang pernah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan sebarang kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh YIR; dan
    - d. individu yang telah tidak waras, meninggal dunia, diisytiharkan muflis atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka.
  - 3.3 YIR mempunyai kuasa budi bicara muktamad untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan bagi Kemudahan Pembiayaan dan/atau dokumen

sokongan yang dimintakan oleh YIR untuk Kempen ini. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, YIR berhak untuk menentukan sama ada dokumen sokongan yang dikemukakan adalah sah atau cukup jelas untuk tujuan kelulusan.

#### 4. **Kaedah Kempen**

- 4.1 Kempen ini bermula dari 16 Oktober 2019 dan berakhir pada 31 Mac 2020 ("**Tempoh Kempen**"), kedua-dua tarikh adalah termasuk.
- 4.2 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak, dengan secara automatik, berhak untuk menikmati perkara yang berikut:-
  - a. ganjaran Kredit PrestoPay yang sebanyak tiga peratus (3%) daripada amaun Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan, akan dikreditkan ke Akaun Presto Pelanggan Yang Layak ("**Ganjaran**"); dan
  - b. benefit untuk menikmati diskaun sebanyak lima puluh peratus (50%) bagi produk terpilih setiap hari daripada semua kategori pembelian di aplikasi Presto.
- 4.3 Pelanggan Yang Layak tidak perlu mendaftar atau mengisi sebarang borang permohonan untuk mendapat Ganjaran.
- 4.4 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan Yang Layak hendaklah mempunyai Akaun Presto yang sah untuk Ganjaran dikreditkan ke Akaun Presto Pelanggan Yang Layak.
- 4.5 Ganjaran akan dikreditkan ke Akaun Presto Pelanggan Yang Layak selepas tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh dana Kemudahan Pembiayaan dikreditkan.
- 4.6 Untuk membelanjakan Ganjaran, Pelanggan Yang Layak perlu mengaktifkan dan memilih Kredit PrestoPay sebagai pilihan pembayaran untuk semua pembelian di aplikasi Presto.
- 4.7 Ganjaran tidak boleh dipindahkan, dikeluarkan atau ditukarkan kepada wang tunai atau jenis yang lain.
- 4.8 Pelanggan Yang Layak boleh memohon lebih daripada satu (1) permohonan Kemudahan Pembiayaan dan menerima lebih daripada satu (1) Ganjaran semasa Tempoh Kempen.

## 5. **Terma dan Syarat Umum**

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat secara sah kepada terma dan syarat yang terkandung di sini dan keputusan penganjur (YIR dan PPSB).
- 5.2 Keputusan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan terikat. YIR tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang alasan atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana individu dalam sebarang perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 5.3 YIR dan PPSB berhak untuk menerbitkan dan memaparkan nama dan butir-butir peribadi Pelanggan Yang Layak dalam mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk tujuan pengiklanan dan publisiti tanpa sebarang pampasan dan notis pemberitahuan terlebih dahulu. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak memberikan kebenaran dan bersetuju dengan penggunaan dan penerbitan butir-butir peribadinya di bawah seksyen ini.
- 5.4 YIR dan PPSB berhak untuk membatalkan Ganjaran jika Pelanggan Yang Layak tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini.
- 5.5 YIR dan PPSB mempunyai kuasa budi bicara muktamad untuk mengubah, menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau mengubah, menggugurkan atau menambah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa tanpa memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu atau rujukan kepada Pelanggan Yang Layak.
- 5.6 Pembelanjaan dengan Kredit PrestoPay adalah tertakluk kepada terma dan syarat di aplikasi Presto.
- 5.7 Sekiranya terdapat sebarang konflik mengenai terma dan syarat di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.
- 5.8 Terma dan syarat terkandung di sini adalah ditadbir oleh undang-undang Malaysia, dan Pelanggan Yang Layak dianggap telah bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

**Terakhir dikemaskini: 30 Januari 2020**

**TAMAT**